

PAGAR yang dibina untuk memisahkan Amerika Syarikat dan Mexico di Naco, Arizona.

TRUMP cenderung menimbulkan kenyataan kontroversi sejak awal kempen pilihan raya.



# Politik populisme ancam dunia Barat

**P**ELAPORAN berita berkaitan pengenalan polisi-polisi baharu yang bersifat kontroversi oleh Presiden baharu Amerika Syarikat (AS), Donald Trump sejak beberapa minggu lalu masih hangat sehingga kini.

Saban hari, akhbar tempatan mahupun antarabangsa tidak lekang menyelitikan kisah bekas pemimpin korporat dan selebriti televisyen berambut emas itu berhubung kontroversi yang dilakukan setelah berjaya menduduki White House pada 20 Januari lalu.

Terbaharu, perintah imigresen yang menghalang orang Islam dari tujuh negara Asia Barat masuk ke AS turut mengundang cemuh dalam kalangan rakyatnya sendiri.

Dalam konteks komunikasi massa, penulis melihat kemenangan Trump bukanlah kemenangan biasa seperti kemenangan calon presiden Amerika Syarikat sebelum ini.

Walaupun berdiri dengan pendirian yang banyak membelakangkan status quo pentadbiran negara itu, berita-berita yang menyiarkan perkataan dan janji beliau yang bersifat pro rakyat bawahan seakan-akan

## Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI  
nazmy@ukm.edu.my  
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



berjaya mengubah *order* baharu dalam pentadbiran sesebuah parti politik dan kerajaan.

Lebih menarik, kemenangan Trump yang gemar menimbulkan kenyataan kontroversi

sedikit sebanyak berinspirasi kemenangan banyak pemimpin dunia yang muncul menerusi slogan bersifat populis yang berjaya memikat hati kebanyakan rakyat.

Isu seperti ekonomi, sosial, rasuah dan sebagainya dipersembahkan dengan nada dan retorik yang berbeza berbanding cita rasa biasa didengar oleh kebanyakan rakyat bawahan.

Menurut Pakar Sains Politik Cas Mudde dari Jerman, politik populisme bermakna asas satu bentuk stail politik berkumpulan yang bersifat menentang status quo golongan elit, kaya dalam kem parti pemerintah yang mengamalkan rasuah dan mementingkan status.

Dalam erti kata lain, politik populis adalah pertembungan antara pemain politik bersih menentang ahli politik yang kotor dalam sebuah sistem demokrasi.

Menjual janji luar biasa seperti memperkenalkan polisi perlindungan dagang melalui pembatalan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, membina tembok dengan negara jiran, mengugut firma AS melabur di negara jiran menggambarkan Trump tidak gemar bergantung kepada polisi sedia ada yang disifatkan sebagai 'gagal'.

Persoalannya, adakah strategi Trump ini hanya berlaku di AS? Jika dilihat ke benua lain serata dunia, politik populisme ini bukan hanya bertapak di Barat.

Disebabkan pergolakan ekonomi, tekanan sosial dan peningkatan kesedaran politik, rakyat bawahan kini melihat perlunya perubahan besar dari segi paradigma dalam sistem pentadbiran kerajaan sedia ada.

Kerajaan atau pemimpin yang dilantik mengepalai kerajaan tidak lagi boleh mempertahankan golongan elit dan

mengagungkan liberalisasi semata-mata.

Maka faktor inilah menjadi punca munculnya pemimpin seperti Presiden Filipina, Rodrigo Duterte dan Perdana Menteri Britain, Theresa May yang lahir daripada pungutan suara rakyat negara itu untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) pada Jun tahun lalu.

## Polisi imigresen

Disebabkan kemarahan masyarakat Eropah kian memuncak ekoran krisis pelarian dari Asia Barat yang merebak ke negara mereka, kebanyakan rakyat khastir tentang polisi imigresen yang membuka peluang kemasukan lebih ramai pendatang dan menimbulkan kacau-bilau.

Ia turut mendorong kepada peningkatan populariti calon politik yang pro populisme dalam kempen pilihanraya di beberapa buah negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Belanda dan Itali dijangka menggugat keutuhan EU sekiranya mereka menang dalam pilihanraya negara masing-masing tahun ini.

Jika dilihat perjuangan parti-parti yang diwakili oleh parti pro populis ini, isu keluar dari EU, tutup pintu sempadan dan menghalang orang Islam masuk ke rantau Eropah menjadi manifesto utama yang dipromosikan dalam kempen mereka.

Justeru, apakah impak yang bakal berlaku di seluruh dunia? Penulis melihat gelombang kebangkitan golongan populis ini akan berterusan dan bersifat universal selagi janji-janji serta retorik semasa kempen pilihan raya sesebuah negara itu dapat menambat hati pengundi.

Namun, tidak semestinya golongan ini dapat meraih kejayaan mudah. Golongan populis ini tidak hanya terdapat dalam kem pembangkang atau golongan bawahan semata-mata tetapi turut dilayangkan calon-calon parti pemerintah selagi ia sesuai dengan selera pengundi.

Mungkin juga senario yang berlaku di AS dan Eropah ini bakal menjadi satu bentuk penanda aras baharu dalam pembentukan *order* baharu politik dan pentadbiran sesebuah kerajaan di seluruh dunia pada masa akan datang.

TINDAKAN Trump menyekat kemasukan org Islam masuk ke negara itu mendapat tentangan yang hebat.

